

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 7/2001**

**DASAR DAN GARIS PANDUAN PEMBATALAN DAN PENGGANTIAN
TANAH RIZAB MELAYU SELANGOR DARUL EHSAN**

1. **TUJUAN:**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai dasar dan garis panduan pembatalan dan penggantian Tanah Rizab Melayu (TRM) di Negeri Selangor demi menjaga dan mengekalkan kepentingan orang Melayu.

2. **LATAR BELAKANG:**

2.1. Mengikut rekod, Negeri Selangor pada asalnya mempunyai kawasan Rizab Melayu seluas 165,057 hektar (407,861 ekar). Bagaimanapun keluasan ini telah berkurangan akibat daripada beberapa pembatalan TRM yang tidak berganti. Pada masa ini Negeri ini hanya mempunyai kawasan Rizab Melayu seluas 159,726 hektar (394,687 ekar). Daerah Sabak Bernam merupakan daerah yang mempunyai kawasan TRM yang terbesar, manakala Petaling pula merupakan daerah yang mempunyai keluasan terkecil.

2.2. Daripada maklumat yang diperolehi menunjukkan terdapat TRM yang dibatalkan akibat daripada pembangunan yang dilaksanakan di peringkat negeri dan negara. Ini kerana Negeri Selangor terletak paling hampir dengan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang sering terdedah kepada pembangunan projek-projek mega seperti projek E-Village dan Cyberjaya dan himpitan kemajuan kawasan persekitaran. Bagaimanapun TRM yang terlibat masih belum diganti oleh Kerajaan Negeri.

2.3. Di bawah peruntukkan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 89(3) memperuntukkan "TRM yang terhenti status sebagai Rizab Melayu hendaklah diganti dengan serta merta dengan mana-mana tanah lainyang serupa jenisnya dan keluasan yang tidak lebih daripada luas tanah itu." Bagaimanapun aspek penggantian TRM yang telah

dibatalkan perizabannya tidak diberi perhatian dan penekanan yang serius. Sekiranya ada penggantian yang dibuat ianya tidak memenuhi syarat dan kriteria yang digariskan oleh peruntukkan tersebut.

3. PERLAKSANAAN KEPUTUSAN EXCO MTES MENGENAI TRM

3.1. Walaupun beberapa resolusi seminar dan keputusan MTN telah dibuat bagi menjaga dan mengekalkan TRM, namun aspek penggantian TRM masih tidak diberikan perhatian dan diambil tindakan lanjut oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu Pengarah Tanah dan Galian Selangor telah membentangkan satu kertas dasar dan garis panduan bagi mempercepatkan penggantian TRM dalam Mesyuarat EXCO MTES pada 2 Oktober 2001. Sehubungan itu MMKN dalam mesyuarat ke 26/2001 pada 3 Oktober 2001 telah meluluskan dasar dan garis panduan pembatalan dan penggantian TRM. Semua Pentadbir Tanah diminta melaksanakan keputusan-keputusan yang telah dibuat seperti berikut :-

- 3.1.1. Tindakan penggantian diambil segera tanpa mengambilkira jenis samada tanah pekan, bandar dan desa dan guna tanah pertanian, kawasan yang dizonkan kediaman/perniagaan dan industri yang belum diberimilik. Keluasan keseluruhan tanah yang dibatalkan pewartaannya memadai dikira berdasarkan lot-lot atau kepingan tanah yang ada tanpa mengambil kira mukim dan daerah asalkan akhirnya ianya memenuhi luas sesuatu tanah yang dibatalkan perizabannya.
- 3.1.2. Menyenaraikan tanah-tanah Rizab Melayu yang dibatalkan dan mengemukakan cadangan gantian berdasarkan tanah-tanah atau lot-lot yang mencukupi bagi menggantikan sesebuah kawasan yang dibatalkan tanpa mengambilkira jenis tanah.
- 3.1.3. Tanah-tanah kerajaan yang hendak dilupuskan kepada mana-mana perbadanan, syarikat atau orang perseorangan yang bersesuaian hendaklah diisytiharkan sebagai TRM untuk diwartakan bagi tujuan penggantian pembatalan.
- 3.1.4. Mengenal pasti tanah-tanah atau tanah hakmilik Kerajaan Persekutuan yang boleh dimasukkan untuk diwartakan sebagai TRM bagi tujuan penggantian.

- 3.1.5. TRM yang diambil untuk projek-projek kemudahan awam seperti masjid, dewan, sekolah dan sebagainya hendaklah dibatalkan statusnya sebagai TRM dan digantikan. Sehubungan dengan itu Pentadbir Tanah dikehendaki mengenal pasti tapak penggantian terlebih dahulu dan dikemukakan bersekali dengan cadangan pengambilan balik tanah yang hendak dibuat. Jika penggantian terpaksa dibuat dengan melalui proses pengambilan balik tanah, kos menggantikan tanah Rizab Melayu berkenaan dijadikan sebagai sebahagian daripada kos projek.
- 3.1.6. Tanah-tanah yang telah luput tempoh pajakan dan menjadi tanah kerajaan boleh diisytiharkan sebagai TRM.
- 3.1.7. Diwujudkan satu sistem pemantauan untuk memastikan TRM yang ditamatkan status sebagai TRM diganti dan kawasan keseluruhan TRM di Negeri Selangor tidak melebihi keluasan asal iaitu 165,057 hektar (407,861 ekar)

4. TARIKH KUATKUASA:

Pekeliling ini pemakaiannya berkuatkuasa seta merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

T.T
(DATO' ASAHA @ ISHAK ABONG)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh: Disember 2001.